

Mesej Enam

**Prinsip Rohani, Pelajaran Hayat, dan Amaran Kudus
yang Diperlihatkan dalam Sejarah Daud**

Bacaan Bible: 1 Sam. 16:1—2 Sam. 24:25; Kis. 13:22, 36

I. Dalam sejarah Daud (1 Sam. 16:1—2 Sam. 24:25), kita perlu melihat ketentuan Tuhan dan Daud mempelajari pelajaran salib:

- A. Di bawah ketentuan Tuhan, Daud dicubai dan diujiluluskan dalam hal menaruh kepercayaan kepada Tuhan dan menewaskan Goliat—1 Sam. 17:1-58:
 1. Pengalaman Daud sebagai gembala telah melatih dia menaruh kepercayaan kepada Tuan, maka ketika dia terdengar cabaran Goliat, dia dapat berkata kepada Saul, “Hambamu menjaga domba bapanya; apabila singa atau beruang datang dan mengambil anak domba daripada kawanannya, aku akan keluar mengejarnya, dan memukulnya, dan menyelamatkan anak domba itu daripada mulutnya. Dan apabila binatang itu bangun menyerang aku, aku akan mencengkam janggutnya, dan memukulnya, dan membunuhnya...Yehova yang menyelamatkan aku daripada cakar singa dan daripada cakar beruang, akan menyelamatkan aku daripada tangan orang Filistin ini”—ay. 34-37.
 2. Daud memberitahu Goliat bahawa “bukan dengan pedang atau tombak Yehova menyelamat, kerana pertempuran itu milik Yehova dan Dia akan menyerahkan kamu ke dalam tangan kami” (ay. 47); Daud keluar berperang dengan Goliat (ay. 40-48) dan membunuhnya dengan menghumban batu ke dahi Goliat lalu memancung kepalanya dengan pedangnya sendiri (ay. 49-54).
 3. Kemenangan Daud atas Goliat merupakan pengesahan yang kukuh bahawa Tuhan memilih dan mengurapinya; daripada pengalaman Daud, kita perlu menyedari bahawa oleh sebab kita mengejar Kristus hari ini, maka setiap aspek sekitaran kita sama sekali berada di bawah tangan Tuhan yang maha penentu—Mat. 10:29-31; Mzm. 31:14-15a; 39:9; Roma 8:28-29; Yes. 45:15.
- B. Di bawah ketentuan Tuhan, Daud dipilih menjadi pembantu Saul, raja pada masa itu; disebabkan mereka berdua diletakkan bersama-sama, Saul didedahkan sebagai seorang yang bertentangan dengan kehendak Tuhan, manakala Daud termanifestasi sebagai seorang yang menurut hati Tuhan—1 Sam. 18:6-11a:
 1. Daud diuji dalam hubungannya dengan Saul bermaksud bahawa Daud terus-menerus diletakkan di atas salib; dalam setiap misi yang diutus Saul, Daud bertindak dengan bijaksana, oleh itu, Saul mengangkat dia untuk berkuasa atas perajurit-perajurit; pernah sekali ketika Daud pulang sesudah mengalahkan orang Filistin itu, semua perempuan keluar dari semua kota Israel, dan mereka menyanyi kepada satu sama lain—“Saul telah membunuh beribu-ribu; / Tetapi Daud membunuh berlaksa-laksa”—ay. 5-7.
 2. Pujian ini tidak menjelaskan Daud, tetapi menjelaskan Saul; Salomo berkata, “Manusia diuji oleh pujian kepadanya” (Ams. 27:21); Saul amat marah dan cemburu akan Daud, menunjukkan bahawa dia seorang yang sama sekali berada dalam tubuh daging dan semata-mata untuk dirinya; mulai hari itu, Saul memutuskan untuk membunuh Daud, dan Daud tidak ada tempat untuk bersembunyi; Saul berubah daripada cemburu akan Daud kepada berkomplot untuk membunuhnya tanpa merosakkan namanya sendiri—1 Sam. 18:10—20:42.
 3. Apabila Saul cuba membunuh Daud, Daud tidak melawan atau melakukan apa-apa untuk menuntut bela bagi dirinya; dia hanya melarikan diri; menuntut bela dan melawan balik ialah perkara tubuh daging, dan orang yang mengamalkan hal-hal tubuh daging tidak ada bahagian dalam kingdom Tuhan—18:11; bd. Roma 12:19; Ef. 4:26; Gal. 5:21, 24.

SATU DAN DUA SAMUEL

Mesej Enam (sambungan)

4. Daud seorang yang mengenali kuasa Tuhan daripada hatinya; dalam 1 Samuel, kita melihat Saul mengejar Daud di gurun tandus untuk membunuhnya; Daud berpeluang untuk membunuh Saul, tetapi dia bertakwa kepada Tuhan dan tidak berani menggulingkan urutan divin yang diatur Tuhan—18:6—26:25.
5. Jika Daud memberontak terhadap Saul, bagi umat, dia akan menjadi contoh yang memberontak terhadap raja yang ditetapkan dan dilantik Tuhan; sikap Daud ialah menyangkal diri dan tunduk kepada kuasa Tuhan.
6. Saul telah ingkar kepada Tuhan dan ditolak oleh Tuhan, namun ini perkara antara Saul dengan Tuhan; bagi Daud pula, dia tunduk kepada orang yang diurapi Tuhan, dan ini tanggungjawabnya di hadapan Tuhan—24:4-6; 26:9, 11; 2 Sam. 1:9-16.
7. Jika seseorang itu sanggup membayar harga untuk mengalami penghancuran salib dengan hidup di bawah salib, mengenali dan menanggulangi hayat alamiah serta disposisi mereka, mematikan tubuh daging, serta menyangkal diri sendiri di hadapan Tuhan, mereka pasti akan mengenali kuasa Tuhan dan berupaya membawa masuk kuasa Tuhan—inilah prinsip asas.
8. Menurut pengertian Wasiat Baru, Daud memikul salib setiap hari di bawah apa jua keadaan; Filipi 3:10 menunjukkan bahawa kekuatan untuk kita memikul salib ialah kudrat kebangkitan Kristus; Kristus telah masuk ke dalam kita untuk hidup dalam kita dan memikul salib dalam kita—bd. Kid. 2:8-9, 14.
9. Semasa Daud mempelajari pelajaran salib, dia menikmati perbekalan Tuhan dengan adanya Yonatan dan Mikhal; tanpa mereka, Daud tidak akan ada jalan untuk mlarikan diri daripada Saul—1 Sam. 20:1-42; 19:11-18.
10. Di bawah ketentuan Tuhan, Daud mempelajari pelajaran salib, dan akhirnya dia bukan seorang yang kalah, tetapi seorang yang untung dan pemenang, bukan seorang penderita tetapi seorang penikmat—Flp. 1:19; 3:8-9; 2 Kor. 4:7, 16-18; bd. 2:12-14.
11. Kehidupan Daud menandakan kehidupan kehancuran; penghancuran manusia luaran ialah penghancuran disposisi alamiah kita, diri kita; matlamat disiplin Roh Kudus ialah kita menjadi orang yang dihancurkan; Tuhan meletakkan kita dalam suatu keadaan yang sama sekali tidak berupaya dan tidak terdaya, agar Dia mempunyai jalan bebas untuk menggarapkan diri-Nya berserta segala kekayaan-Nya yang tidak terduga ke dalam kita—1:8-9; 4:16-18; 12:9-10; Hos. 6:1-3; Roma 8:28-29; bd. Yoh. 12:3.

II. Daud prihatin akan kediaman Tuhan di bumi, iaitu kediaman Tabut Tuhan—2 Sam. 6:1—7:29; Mzm. 132:1-18:

- A. Walaupun Tuhan tidak mahu Daud membina bait, namun dia menyediakan pembina, tapak bina, dan bahan untuk pembinaan bait; Tuhan juga mewahkan bentuk asal bait kepada Daud melalui Roh-Nya, dan sebelum Daud mati, dia menyerahkan bentuk asal ini kepada Salomo anaknya; dengan itu, Daud menggenapi ministrinya dan bekerja bersama dengan Tuhan demi melengkapkan pembinaan bait—2 Sam. 8:11; 1 Raj. 7:51; 1 Taw. 22:14-16; 29:1-5; 28:11-19; Kis. 13:22, 36.
- B. Daud bersungguh hati untuk membina bait bagi Tuhan (2 Sam. 7:1-3), tetapi Tuhan menolak niat baik Daud; Tuhan mengutus penyabda Natan kepada Daud untuk bertanya, “Adakah engkau yang akan membina rumah untuk Aku tinggal?”—ay. 5:
 1. Ini menunjukkan bahawa semua kerja dan pelayanan kita dalam gereja haruslah dimulakan oleh Tuhan dan haruslah menurut hasrat-Nya; segala hal

GARIS KASAR KAJIAN-KRISTALISASI

Mesej Enam (sambungan)

yang bermula atau berusul daripada manusia, tidak kira betapa banyaknya hal itu adalah untuk Tuhan, ialah aktiviti agama yang tanpa hadirat Kristus.

2. Hati kita untuk melayan Tuhan adalah diperkenan, tetapi keputusan kita untuk melakukan sesuatu untuk-Nya adalah tidak diperkenan; Tuhan bersabda kepada Daud, “Adakah engkau...?”, Tuhan tidak mahu kita memutuskan apa-apa bagi pihak-Nya.
 - C. Oleh sebab Daud seorang yang bertakwa kepada Tuhan dan bekerjasama dengan Tuhan, dia tidak bereaksi ketika Tuhan memberitahu dia menerusi Natan agar berhenti berazam untuk menjadi orang yang akan membina bait; tindakan Daud yang berhenti melaksanakan hasratnya untuk membina bait ialah perkara yang besar; Dikkak M. E. Barber berkata, “Barang siapa yang tidak dapat berhenti bekerja demi Tuhan itu tidak dapat bekerja demi Tuhan” (*The Collected Works of Witness Lee, 1953*, jil. 1, “Knowing Life and the Church”, m.s. 283)—Luk. 10:38-42.
 - D. Daud berhenti mendirikan kesaksian berganda dalam alam semesta: pertama, segala kerja dalam alam semesta harus berasal daripada Tuhan, bukan daripada manusia; kedua, yang diambil kira hanya kerja yang dilakukan Tuhan untuk manusia, bukan kerja yang dilakukan manusia untuk Tuhan—2 Sam. 7:11-14a, 18, 25.
 - E. Kita harus belajar dari lubuk hati bahawa Tuhan hanya mahukan kerjasama kita; Dia tidak memerlukan kita melakukan apa-apa untuk-Nya; kita harus menghentikan semua pendapat, keputusan, dan idea kita; kita harus membenarkan Dia berbicara, membenarkan Dia masuk, dan membenarkan Dia memberi perintah—Mat. 17:5.
- III. Catatan tentang penghakiman hukuman Tuhan ke atas Daud ditulis sebagai amaran kepada kita hari ini (1 Kor. 10:11); Tuhan bukan hanya penuh kasih dan rahmat, tetapi Dia juga adil dan menggerunkan; Tuhan mengampuni Daud, tetapi Dia juga mendisiplinkan dan menghukum Daud menurut keadilbenaran pemerintahan-Nya (2 Sam. 12:10-14):**
- A. Selepas semua musuh Israel ditundukkan dan Daud dijunjung sebagai Raja Israel, Daud melakukan dosa yang besar sewaktu berada dalam keadaan yang aman damai—pekendakan dan pembunuhan; ini menunjukkan bahawa apabila kita berasa senang dalam keadaan yang aman damai, kita mudah tergoda untuk memuaskan nafsu tubuh daging kita—11:1-27; 1 Ptr. 4:1 dan nota kaki 4.
 - B. Dosa Daud merupakan akibat daripada pemuasan nafsu mata dan nafsu tubuh daging (2 Sam. 11:2-3); Daud, dengan menyalahgunakan kuasa kemaharajaannya (ay. 4-5), telah berkendak secara sengaja melalui perampasan.
 - C. Selepas melakukan tindakan sedemikian, Daud cuba berpura-pura untuk menutup perbuatan jahatnya (ay. 6-13); kemudian dia membunuh Uria, hambanya yang setia, dengan bersabahat dengan Yoab, supaya dia dapat mengambil isteri Uria (ay. 14-25; 12:9).
 - D. Melalui satu dosanya ini, Daud telah melanggar lima perintah terakhir dalam Sepuluh Perintah (Kel. 20:13-17); dosa Daud ialah penghinaan dan kesalahan yang besar terhadap Tuhan, dan hampir memansuhkan semua pencapaiannya yang lalu.
 - E. Daud, seorang yang menurut hati Tuhan (1 Sam. 13:14), memberi Tuhan jalan untuk memulakan zaman kemaharajaan untuk mendirikan kingdom Tuhan di bumi demi Kristus-Nya yang akan datang, tetapi dia gagal dalam hal pemuasan nafsu tubuh daging (1 Raj. 15:5); dalam hal ini, Daud bersikap lalai, dan dia

SATU DAN DUA SAMUEL

Mesej Enam (sambungan)

- telah mengorbankan pencapaiannya yang tinggi dalam pengejarian rohani terhadap Tuhan; ini harus menjadi amaran kepada kita semua.
- F. Memang amat dikesali bahawa pada saat genting ketika digoda oleh yang jahat itu, Daud tidak melatih kawalan diri yang kuat terhadap nafsunya sebaliknya memuaskan nafsu dan melakukan dosa kasar yang telah bersalah terhadap Tuhan sampai kemuncak.
 - G. Tuhan mengasihi Daud, tetapi disebabkan dosanya, Daud kehilangan pendirian dan kedudukannya serta sebelas daripada dua belas suku (2 Sam. 20:1-2); dosa Daud menyemai benih bagi kekorupan Salomo (12:24), yang mengakibatkan perpecahan kingdom yang diberikan Tuhan (1 Raj. 11:9-13; 12:1-17), dan menyemai benih bagi kekorupan pada keturunan Salomo dalam kemaharajaan, yang akhirnya mengakibatkan mereka kehilangan bangsa dan tanah kudus milik bapa leluhur, umat kudus ditawan, dan mereka terselerak ke seluruh bumi serta tidak mempunyai damai sejahtera hingga masa kini.
 - H. Kita dapat melihat dari sejarah Daud bahawa jatuh ke bawah tangan pemerintahan Tuhan ialah perkara yang serius (2 Sam. 12:10-14); Daud memulihkan persekutuannya dengan Tuhan dengan cepat, tetapi disiplin Tuhan berterusan bahkan selepas kematiannya (ay. 15b—20:26).
 - I. Menerusi pengakuan dosa-dosa, persekutuan Daud dengan Tuhan dipulihkan, seperti yang diwahikan dalam Mazmur 51, tetapi dia jatuh ke bawah tangan pemerintahan Tuhan; selepas Daud gagal, banyak hal jahat, termasuk sumbang muhrim, pembunuhan, dan pemberontakan, berlaku dalam kalangan kerabatnya—2 Sam. 12:15b—20:26.
 - J. Tuhan melaksanakan hukuman yang berat ke atas Daud kerana dosanya amat jahat; punca bagi hal-hal jahat yang tidak pernah berlaku ini dalam kerabat Daud ialah pemuasan nafsu tubuh daging Daud; ini menunjukkan bahawa disiplin Tuhan dan penanggulangan daripada pemerintahan-Nya terhadap orang yang mengasihi-Nya mungkin akan mempengaruhi anak-anak mereka.
 - K. Ini harus menjadi amaran dan peringatan yang serius kepada kita dalam hubungan kita dengan Kristus; apanya kita, hasrat kita, apa-apa yang ingin kita lakukan, dan cara kita berkelakuan, berkait rapat dengan hal kita terus tinggal dalam Kristus dan berbahagian dalam segala kekayaan-Nya yang tidak terduga yang merupakan kenikmatan kita; jika kita tidak betul dengan Tuhan dalam mana-mana perkara ini, kita akan menderita kehilangan Kristus sebagai kenikmatan kita.
 - L. Kristus almuhit, yang menjadi tempat huni kita, tanah permai kita yang serba merangkumi, dan segala-gala yang kita perlukan untuk kenikmatan kita, akan memuntahkan kita keluar daripada diri-Nya dan tidak lagi membenarkan kita menikmati Dia jika kita tidak berada dalam hubungan yang wajar dengan-Nya—Im. 18:25; Wahi 3:16.
 - M. Akhirnya, Daud bukan sahaja menjadi tua tetapi juga semakin meredup; kehidupan Daud mempunyai permulaan yang baik, seperti terbitnya matahari yang terang, dan kehidupan serta kerjayanya seperti matahari yang bersinar pada waktu tengah hari; akan tetapi, pemuasan nafsunya (2 Sam. 11:1-27) merosakkan kerjayanya dan menyebabkan kehidupannya yang semarak itu meredup seperti matahari yang terbenam pada waktu petang; masa tua Daud tidak memperlihatkan apa-apa yang semarak, unggul, atau gemilang (1 Raj. 1:1-4; bd. Ul. 34:7; Kej. 48:14-16; Ams. 4:18).

GARIS KASAR KAJIAN-KRISTALISASI

Mesej Enam (sambungan)

N. Kehidupan orang Kristian ialah kehidupan yang mempelajari pemerintahan Tuhan; kita menuai apa yang kita semai; semakin murah hatinya kita terhadap orang lain, semakin murah hatilah Tuhan terhadap kita; jika kita kedekut dan bersikap keras terhadap dikbang-dikbang kita, Tuhan akan kedekut dan bersikap keras terhadap kita; apabila orang lain jatuh sakit atau bermasalah, itulah masanya untuk kita menolong mereka, bukan masanya untuk kita mengkritik mereka—Gal. 6:7; 1 Tes. 5:14-15; Luk. 6:36-38; Mat. 7:1-2:

1. Kita harus belajar menjadi orang yang murah hati dan pengampun; jika kita bersikap keras terhadap orang lain, Tuhan akan bersikap keras terhadap kita; kita harus mengelak daripada mengkritik, mengutuk, atau mengatai orang secara semberono; kritikan dan komen kita yang kurang hati-hati tentang orang lain sering menjadi penghakiman ke atas diri sendiri—6:15; 18:23-35.
2. Hari ini ada banyak dikbang yang jatuh dengan teruk atas satu sebab sahaja—mereka mengkritik orang dengan terlalu keras pada masa lepas, dan banyak kelemahan mereka pada hari ini merupakan kelemahan yang dikritik oleh mereka pada masa lepas.
3. Kita telah dipanggil untuk memberkati orang lain, oleh itu, kita sebagai umat yang diberkati harus selalu memberkati orang lain supaya kita dapat mewarisi berkat; apa yang kita berkati orang lain akan juga kita warisi—1 Ptr. 3:8-11; Mat. 10:13; bd. Bil. 6:22-27.